


IM HARMONY

Penjejakan automatik ditutup



“**Ia memberi gambaran tidak baik mengenai perairan di rantau ini apabila kapal sebesar itu gagal dikesan**”

Profesor Mohamad Abu Bakar, Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategik Universiti Malaya



Pegawai Jabatan Laut Malaysia menunjukkan lokasi terakhir Kapal Tangki MT Orkim Harmony sebelum hilang pada sidang media di Pelabuhan Klang, semalam. (FOTO ROSDAN WAHID/BI)

“Penjelasan paling munasabah kapal itu gagal dikesan hingga sekarang ialah identitinya sudah diubah. Ia juga mungkin disorok di gugusan pulau di kawasan negara jiran di luar jangkauan kita,” katanya yang amat yakin kapal tangki terbabit dirompak lanun.

Kali terakhir kapal itu dikesan ialah pada kedudukan 23.5 batu nautika dari timur laut Tanjung Sedili, Johor, pada jam 8.50 malam Khamis lalu sebelum pihak pengurusan kapal itu memaklumkan kepada Agensi Penguatkuasaan Mairitim Malaysia (APMM) pada jam 6.30 pagi kesokan harinya, kira-kira 10 jam selepas terputus hubungan dengan kapal itu, sebelum operasi SAR dikerahkan.

Difahamkan, kawasan terbabit yang terletak dalam perairan Malaysia, bersempadan dengan Indonesia dan Singapura adalah ‘lokasi panas’ lanun dengan 10 kes rompakan dicatatkan tahun lalu dan empat kes pada tahun ini,



Kapal angkut petrol milik Malaysia hilang

MT Orkim Harmony gagal

Kerajaan kerah

tika timur Tanjung Sedili. Kapal itu memuat 22 anak kapal (tawar) dan 16 orang penumpang. Lima orang telah diletakkan di atas kapal. Menurut kata-kata, Ibrahim berkata, setelah menerima laporan kehilangan kapal itu, APMM Wilayah Utara Selatan mengesyorkan operasi pencarian intensif dan tiga kapal dari unit APMM, iaitu KM Mador, KM dan KM Pengawal 32, telah dikerahkan.

Laporan akhbar kehilangan kapal tangki Malaysia.

termasuk Orkim Harmony.

Tiada unsur keganasan

Prof Datuk Mohamad Abu Bakar dari Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategik Universiti Malaya menolak kemungkinan pembabitan unsur keganasan kerana setakat ini tiada panggilan dibuat pihak bertanggungjawab untuk membuat tuntutan.

“Dari satu sudut, ia memberi gambaran tidak baik mengenai perairan di rantau ini apabila

kapal sebesar itu gagal dikesan. Kalau dinilai kargonya iaitu 6,000 tan minyak (petrol), kita boleh buat spekulasi rompakan lanun untuk wang atau tebusan,” katanya.

Apa yang membingungkan bagi kebanyakan kes rompakan lanun sebelum ini, misalnya MT Orkim Victory, kapal tangki daripada syarikat sama yang dirampas lanun pada 4 Jun lalu, rompakan biasanya membabitkan kargo diesel dan bukan petrol.

Bantuan kaunseling

Kuala Lumpur: Jabatan Laut dan Institut Kelautan Malaysia akan memberi bantuan kaunseling kepada semua waris kru MT Orkim Harmony yang terkesan selepas kapal itu hilang ketika berlayar dari Melaka ke Pelabuhan Kuantan, Pahang, Khamis lalu.

Difahamkan, bantuan itu diumumkan oleh Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran Jabatan Laut, Kapten Mohamad Halim Ahmed dalam satu taklimat bersama waris kru kapal berkenaan di bandar raya ini, semalam.

Pada taklimat itu, syarikat perkapalan bersetuju membayar gaji kru sehingga kapal terbabit ditemui.